

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

1. Senaraikan statistik tangkapan dadah dari tahun 2020 sehingga kini.
 - (a) Senaraikan kawasan-kawasan yang menjadi *hotspot* tangkapan dadah di Pulau Pinang.
 - (b) Apakah usaha kerajaan dalam mengurangkan bilangan penagih dadah dan menghijaukan kawasan *hotspot* dadah?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Statistik dan data bagi tangkapan penyalahgunaan dadah oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga 2025 (setakat April 2025) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Senarai kawasan-kawasan yang menjadi *hotspot* tangkapan penyalahgunaan dadah di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

DAERAH	MUKIM	KAWASAN TERLIBAT
Timur Laut	Mukim 13	Flat Desa mawar
		Flat Kampung Melayu
		Bandar Baru
		Taman Paya Terubong
Barat Daya	Mukim 12	Permatang Damar Laut
		Sungai Ara
		Kampung Binjai
		Batu maung

DAERAH	MUKIM	KAWASAN TERLIBAT
Seberang Perai Utara	Mukim 1	Kuala Muda
		Bakau Tua
		Pulau Mertajam
Seberang Perai Tengah	Mukim 16	Bukit Teh
		Kampung Berangan
		Kampung Nyiok
		Kampung Machang Bubok
	Mukim 21	Taman Guar Perahu
		Kampung Guar Perahu
	Mukim 20	Kampung Padang Ibu
Mukim 19	Kampung Tun Sardon	

(b) Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi mengurangkan bilangan penagih dadah dan menghidupkan kawasan *hotspot* dadah seperti pendekatan pencegahan, rawatan, dan penguatkuasaan yang komprehensif. Berikut adalah usaha utama yang dijalankan:

(i) Program Penghijauan Kawasan Berisiko Tinggi (KBT)

1) AADK telah berjaya memulihkan 73 daripada 15 kawasan panas penagihan dadah di seluruh negara manakala di Pulau Pinang, tujuh kawasan *hotspot* telah dikenal pasti untuk pelaksanaan Inisiatif Penghijauan KBT secara berperingkat sehingga tahun 2025. Kerajaan negeri telah memperuntukkan RM318,000 untuk tempoh lima tahun bagi mencapai matlamat tersebut.

(ii) Kempen Kesedaran Awam dan Pendidikan Pencegahan

1) Pelaksanaan kempen kesedaran awam melalui pelbagai medium, termasuk media elektronik, media sosial, bersemuka, dan media luar. Tujuan utama adalah memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar, remaja, belia, keluarga, komuniti, dan masyarakat mengenai bahaya penyalahgunaan dadah.

- 2) Program Skwad Antidadah juga dilaksanakan untuk melibatkan belia dalam aktiviti pendidikan pencegahan dan kesedaran awam mengenai bahaya dadah.
- (iii) Pindaan Undang-Undang untuk memulihkan penagih dadah.
- 1) Melalui pindaan Rang Undang-Undang (RUU) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 penagih dadah tidak lagi dihukum penjara, tetapi diberi peluang untuk mendapatkan rawatan terbaik dan berfungsi sebagai individu normal.
- (iv) Pengukuhan Kerjasama Antara Agensi dan Kerajaan Negeri.
- 1) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa memberikan sokongan terhadap program-program yang dilaksanakan oleh AADK seperti Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD). Pulau Pinang merupakan negeri pertama yang memperkenalkan pelaksanaan Pensijilan Program TEKAD Sektor Awam mulai tahun 2022. Sehingga Mei 2025 sebanyak 26 jabatan telah melaksanakan dan melibatkan seramai 2,290 orang pegawai.
 - 2) AADK juga telah mewujudkan 6 Anjung Komuniti sebagai satu langkah merakyatkan perkhidmatan dan ia mendapat kerjasama dan sokongan sangat baik daripada Kerajaan Negeri.

LAMPIRAN A**JUMLAH TANGKAPAN PENYALAHGUNAAN DADAH DARI TAHUN 2024 HINGGA 2025 (SETAKAT APRIL 2025) DI PULAU PINANG MENGIKUT DAERAH DAN TAHUN**

Daerah	Tahun						Jumlah
	2020	2021	2022	2023	2024	2025 (Setakat April 2025)	
Timur Laut	214	183	352	281	263	86	1,379
Barat Daya	329	193	220	212	219	72	1,245
Seberang Perai Utara	820	483	488	526	482	193	2,992
Seberang Perai Tengah	345	335	360	283	333	110	1,776
Seberang Perai Selatan	122	72	119	74	157	34	578
Jumlah	1,830	1,266	1,539	1,376	1,454	495	7960

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

2. Senaraikan bilangan tangkapan kes pemerdagangan manusia di Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Senaraikan kawasan-kawasan *hotspot* kawasan dikumpulkan kes ini.
 - (b) Apakah tindakan kerajaan dan bentuk bantuan yang diberikan kerajaan kepada keluarga mangsa?
 - (c) Apakah usaha kerajaan dalam menangani masalah ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. Berikut merupakan bilangan tangkapan kes pemerdagangan manusia di Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini:

TAHUN	TANGKAPAN / ORANG
2020	0
2021	29
2022	61
2023	35
2024	117
2025 (Sehingga Mac)	4
JUMLAH	246

- (a) Kawasan *hotspot* di Pulau Pinang berkenaan kes ini adalah kawasan tersebut:
- (i) Butterworth, Seberang Perai Utara
 - (ii) Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan
- (b) Berikut adalah tindakan kerajaan dan bentuk bantuan kepada keluarga mangsa:
- (i) Perlindungan dan penempatan sementara: Mangsa yang diselamatkan diberi perlindungan di rumah perlindungan yang dikendalikan oleh kerajaan atau badan bukan kerajaan (NGO), dan keluarganya diberi maklumat berkaitan.
 - (ii) Sokongan psikososial: Kaunseling, bantuan trauma dan sokongan psikologi disediakan kepada mangsa dan keluarga.
 - (iii) Bantuan kewangan: Dalam kes tertentu, bantuan kewangan sementara boleh disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
 - (iv) Pemulangan dan penyatuan semula: Jika mangsa adalah warganegara asing, proses pemulangan dilakukan dengan kerjasama kedutaan; bagi rakyat tempatan, usaha penyatuan semula dengan keluarga diutamakan.
 - (v) Latihan dan pemulihan: Mangsa ditawarkan latihan kemahiran dan program pemulihan agar dapat kembali menjalani kehidupan normal.
- (c) Kerajaan Malaysia khususnya pihak PDRM telah melaksanakan pelbagai usaha bersepadu untuk menangani jenayah perdagangan manusia, merangkumi aspek pencegahan, penguatkuasaan, perlindungan mangsa, dan kerjasama antarabangsa. Berikut adalah langkah-langkah utama yang diambil:
- (i) Pelaksanaan Pelan Tindakan Nasional Anti Pemandangan Orang (NAPTIP 3.0, 2021–2025)
 - 1) Kerajaan melaksanakan NAPTIP 3.0 yang menekankan pendekatan berpandukan trauma, mengenal pasti

mangsa dan pindaan pada undang-undang anti pemerdagangan. Usaha ini bertujuan memperkukuh mekanisme pencegahan dan perlindungan mangsa serta meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang.

(ii) Penguatkuasaan Undang-Undang dan Pendakwaan

1) Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 telah dipinda untuk memperluas definisi buruh paksa dan memperketat hukuman terhadap pelaku. Hukuman penjara antara 3 hingga 20 tahun serta denda dikenakan bagi kesalahan pemerdagangan seks dan buruh paksa.

(iii) Perlindungan dan Pemulihan Mangsa

1) Kerajaan menyediakan latihan kemahiran teknikal dan vokasional kepada mangsa pemerdagangan manusia yang berada di rumah perlindungan. Mangsa juga diberikan elaun bulanan dan dibenarkan bekerja secara sah di Malaysia, membantu mereka membina semula kehidupan.

(iv) Kerjasama Antarabangsa dan Serantau

1) Malaysia bekerjasama dengan negara-negara ASEAN untuk menyelaraskan tindakan penguatkuasaan terhadap sindiket pemerdagangan manusia. Ini termasuk pelaksanaan sistem biometrik dan hukuman berat terhadap ejen serta sindiket yang terlibat.

(v) Peningkatan Kesedaran Awam dan Penglibatan Masyarakat

1) Kerajaan mempergiatkan program kesedaran awam mengenai bahaya pemerdagangan manusia dan menggalakkan penglibatan rakyat dalam membanteras jenayah ini. Aplikasi mudah alih seperti *Be My Protector* dilancarkan oleh NGO untuk memudahkan orang ramai melaporkan kes pemerdagangan manusia.

(vi) Peningkatan Kedudukan dalam Laporan Antarabangsa

- 1) Usaha berterusan kerajaan telah membuahkan hasil apabila Malaysia dinaikkan ke Tier 2 dalam Laporan Pemerdagangan Orang (TIP) oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat pada tahun 2024. Peningkatan ini mencerminkan kemajuan dalam siasatan pendakwaan, dan perlindungan mangsa.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

3. Berapakah kos perbelanjaan tahunan untuk cetakan dan edaran Buletin Mutiara dari tahun 2020 hingga 2024?
- (a) Apakah justifikasi Kerajaan Negeri meneruskan penerbitan fizikal Buletin Mutiara dengan kos tinggi?
 - (b) Berapakah capaian dalam talian web Buletin Mutiara setiap bulan tahun ini?
 - (c) Sejauh manakah capaian talian mencukupi untuk menggantikan edisi bercetak?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

3. Kos perbelanjaan tahunan untuk cetakan dan edaran Buletin Mutiara dari tahun 2020 sehingga 2024 adalah seperti berikut:

Tahun	Kos Cetakan	Kos Edaran
2020	RM3,840,000.00	RM1,152,000.00
2021	RM3,840,000.00	RM1,152,000.00
2022	RM4,860,000.00	RM1,152,000.00
2023	RM4,860,000.00	RM1,152,000.00
2024	RM3,600,000.00	RM672,000.00


- (a) Penerbitan fizikal Buletin Mutiara diteruskan ekoran permintaan berterusan antaranya daripada pejabat-pejabat kerajaan serta swasta, pihak sekolah, pusat-pusat khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN), masjid, hospital swasta dan lain-lain berkaitan. Ia memiliki pembacanya yang tersendiri dan menjadi keperluan kepada golongan tertentu dalam memastikan

kesahihan maklumat-maklumat yang disebar serta ditularkan secara meluas. Dalam pada itu, ia juga merupakan salah satu pendekatan penjenamaan (*branding*) bagi memantapkan lagi penyebaran informasi berkaitan polisi serta program Kerajaan Negeri khasnya. Malah, isi kandungan yang dipaparkan juga adalah berbeza dengan platform digital yang turut mempunyai kepentingan serta sasaran berbeza. Kos cetakan adalah berasaskan proses tender yang dijalankan secara telus oleh pihak Kerajaan Negeri yang mana syarikat dengan tawaran harga terendah dipilih melaksanakan perkhidmatan berkenaan.

- (b) Capaian dalam talian web Buletin Mutiara adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

LAMPIRAN A

JUMLAH CAPAIAN LAMAN WEB *WWW.BULETINMUTIARA.COM* MENGIKUT PECAHAN BULAN



Dari bulan Januari sehingga bulan April tahun 2025, sebanyak 525,916 capaian dan 344,509 pengguna telah direkodkan berdasarkan analitik laman web, *www.buletinmutiara.com*. Lampiran A menunjukkan bahawa jumlah capaian adalah sentiasa meningkat pada setiap bulan selari dengan jumlah pengguna yang telah mengakses laman web Buletin Mutiara.

Capaian talian dan edisi bercetak merupakan dua pendekatan yang berbeza. Kedua-dua platform mempunyai audiensnya tersendiri yang mana ia adalah amat penting dalam memastikan kesahihan maklumat-maklumat yang disebar serta diviralkan. Malah, isi kandungan dipaparkan juga adalah berbeza membabitkan kedua-dua platform berkaitan yang turut mempunyai kepentingan serta sasaran masing-masing.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

4. Berapakah perolehan Kerajaan Negeri daripada industri durian di Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga 2024?
 - (a) Sejauh manakah pemantauan dilakukan bagi mengelak penerokaan tanah secara haram?
 - (b) Berapakah keluasan tanah hutan simpan yang telah ditukar guna untuk tujuan penanaman ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Pada tahun 2024, keluasan tanaman durian di Negeri Pulau Pinang dianggarkan seluas 2,148 hektar melibatkan seramai 1,323 orang petani. Anggaran jumlah pengeluaran durian bagi tahun tersebut ialah sebanyak 17,911 metrik tan dengan purata hasil sekitar 8.34 metrik tan sehektar.

Walaupun tiada perolehan hasil secara langsung dicatatkan bagi tanaman durian, Kerajaan Negeri tetap melaksanakan beberapa inisiatif perolehan bertujuan menyokong pembangunan sektor durian. Antara perolehan tersebut termasuk penyediaan infrastruktur asas, bantuan input pertanian serta program pembangunan ladang yang secara tidak langsung menyokong peningkatan kualiti dan produktiviti pengeluaran durian di negeri ini.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN BUAH-BUAHAN YANG DIBERIKAN:

Daerah	Tahun Peruntukan (RM)				
	2021	2022	2023	2024	2025
Seberang Perai Utara	13,775.00	13,080.00	0.00	8,500.00	0.00
Seberang Perai Tengah	97,705.00	58,672.00	69,965.00	117,125.00	79,754.00
Seberang Perai Selatan	26,050.00	40,710.00	43,300.00	76,200.00	26,050.00
Barat Daya / Timur Laut	150,000.00	179,734.00	180,000.00	150,065.00	150,000.00
Jumlah Keseluruhan	287,530.00	292,196.00	293,265.00	351,890.00	255,804.00

Walaupun tiada perolehan hasil secara langsung kepada Kerajaan Negeri yang dicatatkan bagi industri tanaman durian, Kerajaan Negeri tetap melaksanakan beberapa inisiatif bertujuan untuk menyokong pembangunan sektor durian di negeri ini. Inisiatif tersebut adalah seperti penyediaan infrastruktur asas, bantuan input pertanian serta program pembangunan ladang yang secara tidak langsung menyokong peningkatan kualiti dan produktiviti pengeluaran durian.

- (a) Pemantauan bagi isu penerokaan tanah secara haram dilaksanakan secara berkala oleh pihak Pejabat Daerah dan Tanah bersama agensi penguat kuasa yang lain termasuk rondaan tapak dan siasatan terhadap aduan yang diterima daripada orang awam atau mana-mana pihak.
- (b) Tiada tanah hutan simpan yang telah ditukar guna untuk tujuan penanaman durian.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

5. Apakah kesan pelaksanaan tarif baru oleh Amerika Syarikat terhadap industri eksport Pulau Pinang, khususnya sektor elektrik dan elektronik?
- (a) Sejauh manakah Kerajaan Negeri bersedia membantu syarikat tempatan menyesuaikan strategi dagangan?
 - (b) Apakah insentif atau pelan mitigasi yang telah dirangka bagi mengurangkan kebergantungan kepada pasaran Amerika Syarikat?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

5. Kesan pelaksanaan tarif baru oleh Amerika Syarikat terhadap industri eksport Pulau Pinang, khususnya sektor elektrik dan elektronik seperti berikut:

Pengenaan tarif timbal balik oleh Amerika Syarikat ke atas eksport 57 negara dan wilayah sememangnya telah menggegarkan dunia termasuk Malaysia. Pulau Pinang merupakan antara negeri yang paling berpotensi terkesan dengan pelaksanaan tarif timbal balik memandangkan Amerika Syarikat merupakan negara kedua tertinggi dalam senarai eksport dari Pulau Pinang dengan nilai RM76 bilion bersamaan 17 peratus daripada keseluruhan nilai eksport negeri pada 2023. Malah, negara tersebut juga merupakan rakan dagangan utama kepada Pulau Pinang dengan lebih dagangan bernilai RM 57.7 bilion pada tahun 2024. Justeru, pelaksanaan tarif ini dikhuatiri bakal

memberi impak serius kepada Pulau Pinang dan negeri-negeri lain dalam Malaysia.

Kesan kepada Pulau Pinang:-

(i) Pemain Industri

Situasi kenaikan tarif menyebabkan pembelian dan pesanan dari Amerika Syarikat menjadi perlahan. Situasi ini menyebabkan perniagaan pemain-pemain industri di Pulau Pinang menjadi kurang berdaya saing seterusnya memberi tekanan dan menggugat kesinambungan perniagaan pemain industri dalam ekonomi negeri.

Syarikat-syarikat berorientasikan eksport kini menilai semula strategi perniagaan dengan serta-merta. Banyak syarikat kini menyemak semula unjuran untung dan rugi (*profit and loss*) masing-masing sambil meneroka usaha penjajaran semula rantaian bekalan.

Perniagaan antarabangsa dan tempatan di Pulau Pinang mengambil langkah berhati-hati serta pendekatan tunggu dan lihat (*wait-and-see approach*). Perkara ini secara tidak langsung telah melambatkan keputusan pelaburan dan perancangan jangka panjang.

(ii) Sektor Elektrik dan Elektronik

Terdapat kebimbangan meningkat mengenai kemungkinan akan berlaku lambakan inventori berlebihan dari negara-negara serantau ke dalam pasaran tempatan Malaysia. Situasi ini akan menjejaskan harga pasaran dan meningkatkan jumlah inventori tidak terjual.

(iii) Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Situasi lambakan inventori berlebihan dari negara luar ini boleh menggugat pengilang tempatan, khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan mengganggu harga pasaran barangan serta mengurangkan lagi margin keuntungan PKS tempatan.

Industri PKS tempatan turut terkesan kerana kenaikan kos menjalankan perniagaan disebabkan oleh polisi-polisi dalam negara. Ia termasuk gaji minimum baru, peningkatan tarif elektrik, peningkatan cukai jualan dan perkhidmatan. Selain itu, PKS juga perlu menghadapi peningkatan pemerolehan asing syarikat tempatan yang menyebabkan PKS bergelut untuk bersaing dalam kos dan produktiviti. Namun begitu, PKS tempatan juga boleh menikmati manfaat dari strategi *China Plus One*.

(iv) **Industri Semikonduktor**

Pengenaan tarif yang tinggi oleh Amerika Syarikat berpotensi memberi impak signifikan dan menjejaskan persepsi pelabur terhadap daya saing industri semikonduktor di Pulau Pinang sebagai destinasi eksport utama ke pasaran Amerika Syarikat.

(v) **Pelaburan**

Terdapat kemungkinan pemindahan operasi pengilangan ke negara-negara yang menerima impak tarif lebih rendah dan/atau memindahkan sebahagian operasi ke Amerika Syarikat. Terdapat pengusaha-pengusaha sedang mempertimbangkan memindah sebahagian rantai bekalan pembuatan ke negara Mexico dan Brazil. Akan tetapi, keputusan muktamad masih belum dibuat disebabkan keadaan yang tidak menentu dan perubahan dasar yang begitu pantas dan di luar jangkaan.

- (a) Kerajaan Negeri komited dalam menjajarkan semula, menentu ukur semula dan mengesahkan semula peranan Pulau Pinang sebagai pemacu ekonomi utama negara. Kerajaan Negeri akan mengatasi rintangan ini menerusi kerjasama, penyelarasan dan keyakinan terhadap rakyat dan industri.

Susulan itu, satu sesi perbincangan bertajuk “Tindak Balas Strategik terhadap Tarif Amerika Syarikat” telah diadakan pada 11 April 2025 di *Penang Institute*. Perbincangan ini dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang dan dihadiri oleh 35 peserta termasuk wakil Kerajaan Negeri, agensi Negeri dan Persekutuan, Bank Negara Malaysia, institusi pendidikan, persatuan perdagangan, dewan perniagaan, PKS

dan syarikat multinasional. Berikut adalah hasil perbincangan tersebut iaitu:

- (i) Penubuhan Pasukan Petugas Pemantauan Tarif (*Penang Tariff Monitoring Taskforce*) oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memantau perkembangan global dan mengadakan sesi libat urus dengan sektor yang terkesan; dan
- (ii) Kerjasama berterusan dengan Kerajaan Persekutuan bagi membangunkan Kit Penyesuaian Perdagangan (*Trade Adaptation Toolkit*) yang akan membantu industri menyesuaikan strategi perniagaan mereka.

Selain itu, Kerajaan Negeri menerusi *Invest Penang* telah mengadakan dua (2) sesi libat urus bersama industri pada 17 April 2025 dan 18 April 2025 untuk mendengar pandangan dan cadangan daripada pemain industri. Sesi-sesi berkenaan turut dihadiri oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA). Hasil dapatan yang diperoleh turut dikongsikan kepada kementerian-kementerian berkenaan.

- (b) Sebagaimana intipati usul YAB Ketua Menteri pada sempena Mesyuarat Khas Penggal Keempat Majlis Parlimen Kelima Belas Dewan Rakyat pada 5 Mei lalu, Pulau Pinang telah mengambil pelbagai inisiatif, insentif atau pelan mitigasi untuk mempelbagaikan domain pasaran antarabangsa bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan mengurangkan kebergantungan pada satu negara tertentu untuk akses pasaran iaitu:
 - (i) Kerjasama Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan bagi membangunkan Kit Penyesuaian Perdagangan (*Trade Adaptation Toolkit*) bagi pemain-pemain industri. Kit Penyesuaian ini akan merangkumi sumber praktikal untuk membantu pemain-pemain industri memanfaatkan pasaran alternatif di bawah perjanjian perdagangan serantau dalam ASEAN serta perjanjian-perjanjian sedia ada seperti Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau (RCEP) dan Perjanjian Komprehensif Dan Progresif Bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP);
 - (ii) Kerajaan Negeri melalui agensi pelaburan negeri, *Invest Penang* juga aktif menjalankan misi pelaburan dan

perdagangan ke negara-negara asing seperti Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Negara Eropah, China, Amerika Syarikat, Singapura dan sebagainya saban tahun. Usaha ini bertujuan untuk menarik pelabur baharu serta mencari peluang-peluang pasaran baharu. Selain itu, *Invest Penang* juga turut menyertai pelbagai ekspo antarabangsa seperti *SEMICON Southeast Asia*, *Kumamoto Industrial Revitalization Expo*, *World Fujian Convention & Exhibition*, *World Congress on Innovation & Technology* (WCIT) dan sebagainya. Usaha ini dapat meningkatkan keterlihatan (*visibility*) Pulau Pinang kepada pasaran-pasaran baharu;

- (iii) Bagi meningkatkan kedudukan Pulau Pinang dalam rantai nilai semikonduktor, Kerajaan Negeri akan mengekalkan komitmennya terhadap garis panduan Strategi Semikonduktor Kebangsaan (NSS) dan inisiatif *Penang Silicon Design @5km+*. Kemajuan ini akan dicapai dengan memupuk jaguh tempatan dalam reka bentuk litar bersepadu (IC). Jumlah pelaburan untuk inisiatif *Penang Silicon Design @5km+* diunjurkan sebanyak RM120.0 juta dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan telah bersama-sama mewujudkan geran padanan untuk memacu inisiatif ini ke hadapan. Kerjasama ini akan meletakkan Malaysia, khususnya Negeri Pulau Pinang sebagai peneraju terkemuka dalam ekosistem reka bentuk IC, memacu inovasi dan pertumbuhan ekonomi; dan
- (iv) Bagi menarik dan menyokong lebih ramai pemain reka bentuk IC menubuhkan dan mengembangkan operasi mereka di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri menawarkan skim pakej insentif yang terdiri daripada subsidi bernilai sehingga RM2.0 juta setiap tahun untuk tempoh tiga (3) tahun kepada kedua-dua syarikat reka bentuk IC tempatan dan asing yang berpangkalan di Malaysia. Walau bagaimanapun, inisiatif ini bergantung kepada pembiayaan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dalam memastikan pelaksanaan penuh program dan sokongan untuk pertumbuhan industri ini.

Perkembangan/Analisis Terkini:

Berasaskan pengumuman serta analisis terkini pada 15 Mei 2025 bertajuk Ahli Ekonomi Percaya Tarif Asas 10 peratus Amerika Syarikat Akan Dikekalkan menyatakan bahawa tempoh 90 hari penangguhan peningkatan tarif antara Amerika Syarikat (AS) dan China dilihat sebagai langkah meredakan ketegangan, sekali gus mengurangkan kemungkinan tercetusnya perang perdagangan secara menyeluruh.

Malaysia dan negara-negara ASEAN lain mungkin akan menghadapi rundingan yang kurang tegang dengan Amerika Syarikat (AS) berbanding pengalaman China. Namun, negara-negara lain termasuk Malaysia perlu bersedia menerima tarif asas 10 peratus dan mempertimbangkan untuk membuat konsesi bagi mencapai hasil yang saling menguntungkan. Umumnya, genjatan senjata tarif sementara ini telah meningkatkan prospek pertumbuhan ekonomi negara, dengan unjuran pertumbuhan ekonomi disemak semula ke arah yang lebih positif.

Sementara itu, dalam analisis artikel siaran media perdana, The Star juga pada 15 Mei 2025 bertajuk “Malaysia masih lokasi utama untuk kepelbagaian rantai bekalan” menegaskan bahawa ketegangan perdagangan antara dua (2) gergasi Amerika Syarikat (AS) dan China yang dikatakan ‘reda’ buat sementara waktu menjadikan Malaysia terus menjadi destinasi pilihan bagi syarikat-syarikat yang mengamalkan strategi China+1 untuk mempelbagaikan rantai bekalan masing-masing.

Malah, penggantungan tarif selama 90 hari antara Amerika Syarikat (AS) dan China tidak mungkin membawa kepada perjanjian jangka panjang. Tarif yang tinggi dijangka akan berterusan, sekali gus mengukuhkan keperluan untuk kepelbagaian rantai bekalan. Walaupun begitu, kedudukan geografi Malaysia yang strategik, kos buruh yang kompetitif serta kadar pertukaran menggalakkan akan terus menjadikan negara ini pilihan menarik bagi syarikat multinasional (MNC) yang ingin mempelbagaikan operasi mereka.

Walaupun aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) mungkin mengalami turun naik dalam jangka masa pendek akibat ketidakpastian semasa, unjuran jangka panjang kekal positif dengan jangkaan peningkatan pelaburan dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang. Pengoperasian perniagaan dijangka mengambil pendekatan tunggu dan lihat sepanjang tempoh kelonggaran 90 hari

ini, dengan menanggihkan pelaburan besar sehingga terdapat petunjuk yang lebih jelas daripada rundingan antara Amerika Syarikat (AS) dan China.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

6. Apakah status pelaksanaan inisiatif NCER di Pulau Pinang?
- (a) Sejauh manakah program ini berjaya menjana peluang pekerjaan berkualiti kepada rakyat negeri ini?
 - (b) Langkah-langkah apakah yang diambil bagi memastikan manfaat NCER sampai kepada golongan B40 dan belia tempatan?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Status pelaksanaan inisiatif Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) di Negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Pada tahun 2024, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) merekodkan pelaburan direalisasikan sebanyak RM42.76 bilion dan mencipta hampir 9,000 peluang pekerjaan. Prestasi ini adalah hasil kerjasama erat antara NCER, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Memasuki tahun 2025, momentum positif ini diteruskan dengan pelaburan direalisasikan sebanyak RM13.3 bilion dan lebih 3,000 peluang pekerjaan baharu diwujudkan setakat suku pertama tahun ini. Inisiatif seperti *NCER Technology Innovation Centre* (NTIC) dan *NCER Entrepreneur Sustainable Transformation* (NEST) memainkan peranan penting dalam pembangunan ekosistem inovasi dan keusahawanan yang mampan di Pulau Pinang. Secara keseluruhan, pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan NCER dalam memacu

pertumbuhan ekonomi dan penciptaan peluang pekerjaan di kawasan utara Semenanjung Malaysia.

- (b) Antara Program NCER yang melibatkan penglibatan aktif golongan B40 dan belia di Pulau Pinang adalah Inisiatif Pendapatan Rakyat, Usahawan Tani (IPR-INTAN). Program ini memfokuskan kepada penggunaan teknologi dan kaedah pertanian moden dalam meningkatkan pendapatan peserta dan produktiviti. Melalui penglibatan dalam program IPR-INTAN ini, para peserta akan memperoleh pendapatan minimum RM2,000.00 sebulan, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 serta berpeluang untuk menjadi Usahawan Tani. Sasaran peserta di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 70 orang. Terdapat dua (2) lokasi utama bagi pelaksanaan projek IPR-INTAN di daerah Seberang Perai Utara di Negeri Pulau Pinang seperti berikut:

Lokasi	Jenis Penanaman	Keluasan	Status
Bertam	Jagung Manis	30 ekar	Kerja-kerja pembinaan infrastruktur dalaman dan luaran sedang dilaksanakan dan dijangka siap sepenuhnya pada Julai 2025.
Ara Kuda	Cili	10 ekar	

LAMPIRAN A

Status pelaksanaan inisiatif Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Program	Maklumat Program	Status
Program NCER Tax Incentive (NTAX)	Program sebagai pemudahcara bagi tax insentif di bawah NCER dalam pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi di Pulau Pinang bagi tahun 2024.	Telah Dilaksanakan Nota: Pakej Insentif Cukai NCER (NTAX) tidak akan lagi dibuka untuk permohonan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025. Perubahan ini selaras dengan pengenalan Aspirasi Pelaburan Baharu (NIA) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 yang bertujuan untuk merangsang pertumbuhan industri yang mampan dan dinamik.
Program NCER Talent Enhancement (NTEP)	Program Pembangunan Modal Insan yang dilaksanakan bagi memastikan bekalan tenaga mahir yang mencukupi mengikut keperluan industri di NCER.	Sedang dilaksanakan
Program NCER Entrepreneur Sustainable Transformation (NEST)	Membantu Perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana (PMKS) dalam memperkasa ekosistem rantaian nilai PMKS dan memacu pertumbuhan industri strategik.	Sedang dilaksanakan

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

7. Di manakah lokasi pusat NADI yang telah beroperasi di Pulau Pinang?
- (a) Apakah kemudahan yang disediakan di pusat NADI untuk memperkasakan komuniti setempat?
 - (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan akses yang adil kepada kemudahan NADI bagi semua lapisan masyarakat?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Sebanyak 42 buah Pusat NADI telah beroperasi di Pulau Pinang merangkumi keseluruhan kawasan DUN di Pulau Pinang. Setiap DUN mempunyai sekurang-kurangnya satu pusat NADI. Lokasi terperinci Pusat NADI adalah seperti **LAMPIRAN A**.
- (a) Kemudahan yang disediakan di pusat NADI untuk memperkasakan komuniti setempat adalah seperti berikut:
 - (i) Penggunaan komputer / laptop;
 - (ii) Perkhidmatan cetakan dan fotokopi;
 - (iii) Perkhidmatan *binding* dan *lamine*;
 - (iv) Bantuan pengisian borang permohonan (contoh: pendaftaran sekolah, bantuan kerajaan); dan
 - (v) Program perkhidmatan pintar di bawah teras Keusahawanan Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kesejahteraan Kendiri, Kesedaran Dan Inisiatif Kerajaan.

- (b) Kerajaan Negeri bersama semua pemegang taruh yang terlibat akan memastikan akses yang adil dan inklusif kepada semua lapisan masyarakat melalui beberapa langkah strategik seperti berikut:
- (i) Penempatan strategik pusat NADI seperti di kawasan perumahan yang terdiri pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan B40 dan kawasan berpenduduk padat. Fokus utama NADI kepada komuniti luar bandar dan pinggir bandar untuk mengurangkan jurang digital;
 - (ii) Kemudahan percuma atau berkos rendah. Akses internet percuma, penggunaan PC, dan perkhidmatan seperti cetakan dan bantuan pengisian borang ditawarkan dengan kos minimum atau percuma, memastikan semua orang mampu menggunakannya;
 - (iii) Program menyasar golongan tertentu untuk golongan pelajar, wanita, belia & remaja, usahawan mikro/B40 dan juga golongan warga emas dan komuniti rentan;
 - (iv) Berkolaborasi dengan sekolah dan masjid. Program seperti taklimat keselamatan siber di sekolah dan saringan kesihatan di masjid memperluas capaian ke komuniti yang tidak aktif secara digital;
 - (v) Keahlian komuniti dan penetapan KPI Inklusif. Statistik dari dokumen menunjukkan jumlah keahlian aktif dan penyertaan program yang tinggi dalam kalangan komuniti tempatan. Penilaian pencapaian KPI pula digunakan untuk memantau tahap keterlibatan masyarakat pelbagai lapisan; dan
 - (vi) Latihan dan literasi digital. Menyediakan latihan ICT asas hingga lanjutan, terutamanya kepada golongan yang kurang celik teknologi seperti komuniti MADANI dan warga emas.

**SENARAI LOKASI PUSAT NADI DI SELURUH NEGERI PULAU
PINANG**

Bil	KADUN / NADI	Alamat NADI
1	Air Itam	Lot Kedai Tingkat 1, 607, Jin, Jln Balik Pulau, Pekan Ayer Itam, 11500 Air Itam, Penang
2	Air Putih	27C-1, 1, Jalan Air Itam, 11500 Air Itam, Pulau Pinang
3	Bagan Dalam	Kampung Perlis, 12100 Butterworth, Pulau Pinang
4	Bagan Jermal	Medan Melur Selatan, Taman Sin Tat, 12300 Butterworth, Pulau Pinang
5	Batu Lanchang	Tingkat 1, Pasar Awam & Dewan Rakyat Batu Lanchang, 25, Lintang Batu Lanchang, Jelutong, 11600 Jelutong, Pulau Pinang
6	Batu Maung	1-3-16, Southbay Plaza, 2, Changkat Batu Maung 1, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang
7	Batu Uban	Minden Height, 18-17, Dewan Masyarakat Lintang Minden, 1, Lintang Minden 2, Taman Utama, 11700 Gelugor, Pulau Pinang
8	Bayan Lepas	Lot Kedai Tingkat 1, 1172A, Jalan Teluk Kumbar, Prestige Heights, 11920 Bayan Lepas, Pulau Pinang
9	Bertam	Jalan Permatang Rambai, Kampung Permatang Rambai, 13100 Penaga, Pulau Pinang
10	Berapit	Lorong Usahaniaga 3, Taman Usahaniaga, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang
11	Bukit Tengah	Mohd Saad, Jalan Juru, Kampung Bukit Kecil, 14100 Bkt Mertajam, Pulau Pinang

12	Datok Keramat	Dewan Orang Awam, Taman Free School, 10460 George Town, Pulau Pinang
13	Jawi	Blok C, Taman Desa Jawi, 14200 Sungai Jawi, Pulau Pinang
14	Kebun Bunga	Tingkat Bawah, Dewan MPKK Ladang Lada, Fettes W Ave, Tanjung Tokong, 11200 Tanjung Bungah, Pulau Pinang
15	Komtar	2, Jalan S.P. Chelliah, George Town, 10150 George Town, Pulau Pinang
16	Machang Bubok	Jalan Perniagaan, Pusat Perniagaan Alma, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang
17	Padang Kota	Dewan PPR Taman Manggis, Tingkat 1, Jalan Zainul Abidin, 10450 George Town, Penang
18	Pengkalan Kota	Pengkalan Weld, 10300 George Town, Pulau Pinang
19	Padang Lalang	111, Lbh Kota Permai Satu, Taman Kota Permai, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang
20	Pantai Jerejak	Kompleks Pasar & Kemudahan Masyarakat Bayan Baru, Tingkat 2, Lintang Mayang Pasir 3, Bandar Bayan Baru, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang
21	Penaga	7g-1, Jln Taman Penaga Ria, Kampung Baru, 13100 Penaga, Pulau Pinang
22	Penanti	3, Jln Mengkuang Jaya, Taman Mengkuang Jaya, 14400 Bukit Mertajam, Pulau Pinang
23	Perai	13600 Perai, Pulau Pinang
24	Permatang Pasir	17, Lorong Cermat 8, Taman Samagagah, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang
25	Paya Terubong	1038, Jln Paya Terubong, Paya Terubong, 11500 Ayer Itam, Pulau Pinang

26	Pinang Tunggal	Lorong Seri Gelugor 16, Taman Seri Gelugor, 13100 Kepala Batas, Pulau Pinang
27	Pulau Aman	799R+C8, Simpang Ampat, Pulau Pinang
28	Pulau Betong	Tingkat 1, bangunan MBPP, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang
29	Pulau Tikus	11-3-4, Jalan Gottlieb, Georgetown, 10350 George Town, Pulau Pinang
30	Seberang Jaya	Taman Baru, 13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang
31	Seri Delima	Tingkat Bawah Dewan Flat Taman Tun Sardon (LPNPP, 11700 Gelugor, Pulau Pinang
32	Sungai Acheh	Dewan Masyarakat, Jalan A22, Jln Sempadan Sungai Bakau, , 14320 Nibong Tebal, Pulau Pinang
33	Sungai Bakap	Lorong 3/Ss2, Bandar Tasek Mutiara, 14120 Simpang Ampat, Pulau Pinang
34	Sungai Dua	Dewan Besar, Sungai Dua, Taman Merbau Indah, 13800 Tasek Gelugor, Pulau Pinang
35	Sungai Pinang/Jelutong	Tingkat 2, Balai Rakyat, Jalan Patani, Taman Sri Pinang, 10150 George Town, Penang
36	Sungai Puyu	33, Jalan Dedap, Taman Dedap, 13400 Butterworth, Pulau Pinang
37	Tanjung Bunga	1. Tingkat 1, Pasar & Balai Rakyat, Tanjung Tokong, 11200 Tanjung Bungah, Pulau Pinang
38	Teluk Air Tawar	No. 1589, of Three Story Shop Office, 1st Floor, Taman, Persiaran Nakhoda, Teluk Air Tawar, 13050 Butterworth, Pulau Pinang
39	Kubang Semang (Yayasan Aman)	Pekan Kubang Semang, Kubang Semang, Pulau Pinang

40	Taman Prestij Balik Pulau	No 12, Tingkat Atas, Taman Prestij, Jln Kuala Jalan Baru, Kampung Jalan Baru, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang
41	Sungai Pinang Balik Pulau	Jalan Sungai Pinang, 11010 Balik Pulau, Pulau Pinang
42	Taman Gelugor Indah	2993, Tingkat Atas, Jalan Hashim Awang, Taman Gelugor Indah, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

8. Sejauh manakah infrastruktur sedia ada seperti jalan penghubung, parkir dan bas awam mampu menyokong kejayaan projek LRT?
- (a) Apakah pelan integrasi antara LRT, bas, e-hailing dan mod pengangkutan lain?
 - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi meningkatkan akses kawasan luar bandar ke stesen LRT?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Pembinaan stesen-stesen LRT bagi Laluan Mutiara yang dijadualkan siap pada tahun 2031 akan melibatkan pendekatan yang menyeluruh dan bersifat jangka panjang bagi meningkatkan kemudahan pengangkutan awam di Pulau Pinang. Infrastruktur sedia ada akan ditambah baik untuk menyokong kejayaan projek LRT ini. Beberapa langkah utama yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri dan MRT Corporation (MRTC) adalah seperti berikut:
- (i) Reka bentuk stesen akan merangkumi kemudahan integrasi multimodal, termasuk laluan pejalan kaki berbumbung, bas perantara (*feeder bus*), tempat letak basikal dan sambungan dengan *e-hailing* serta perkhidmatan teksi;
 - (ii) Penambahbaikan laluan bas utama sedia ada oleh Rapid Penang apabila stesen LRT mula beroperasi bagi memastikan kesalinghubungan terakhir (*last mile connectivity*) yang lancar;

- (iii) Kemudahan park-and-ride juga akan diwujudkan yang akan membolehkan penduduk dari kawasan sekitar meletakkan kenderaan dan menggunakan pengangkutan awam ke pusat bandar;
- (iv) Beberapa lokasi berdekatan stesen LRT juga dalam pertimbangan untuk dijadikan sebagai zon *Transit Oriented Development* (TOD), dengan pembangunan bercampur (*mixed-use development*) di sekitar stesen LRT seperti ruang komersial, kediaman bertingkat dan kemudahan awam. Matlamat TOD ini adalah untuk menggalakkan pembangunan berorientasikan pengangkutan, yang mengurangkan keperluan penggunaan kenderaan persendirian; dan
- (v) Jajaran LRT Laluan Mutiara juga akan berintegrasikan dengan mod pengangkutan yang lain seperti Terminal Bas KOMTAR, Terminal Bas dan perkhidmatan feri di Penang Sentral, Stesen KTM Komuter dan ETS di Butterworth, Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong, dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Disamping itu, ia akan disokong dengan perkhidmatan rangkaian bas bandar dan juga bas perantara (*feeder bus*).
 - (a) Jajaran LRT Laluan Mutiara juga akan berintegrasikan dengan mod pengangkutan yang lain seperti Terminal Bas KOMTAR, Terminal Bas dan perkhidmatan feri di Penang Sentral, Stesen KTM Komuter dan ETS di Butterworth, Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong, dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Disamping itu, ia akan disokong dengan perkhidmatan rangkaian bas bandar dan juga bas perantara (*feeder bus*).
 - (b) Usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi meningkatkan akses kawasan luar bandar ke stesen LRT adalah sebahagian daripada pendekatan inklusif untuk memastikan sistem pengangkutan awam masa hadapan dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat, termasuk mereka yang tinggal di luar kawasan bandar utama seperti Balik Pulau, Teluk Kumbar, Batu Maung, dan Seberang Perai Selatan. Berikut adalah antara usaha utama:

- (i) Penyediaan perkhidmatan bas perantara (feeder bus) ke Stesen LRT oleh pihak MRTC, di mana laluan bas perantara boleh diperluaskan bagi menghubungkan kawasan luar bandar terus ke stesen-stesen LRT yang terdekat;
- (ii) Pihak Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Rapid Penang di dalam kerja-kerja pengolahan semula (*reconfiguration*) rangkaian bas bagi memastikan kelancaran operasi terutamanya untuk memberikan sambungan terus ke stesen seperti LRT Teluk Kumbar, LRT Batu Maung dan LRT SPICE;
- (iii) Bagi kawasan luar bandar yang mempunyai kepadatan penduduk yang rendah, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan pihak Rapid Penang untuk memperluas Penggunaan Bas Atas Permintaan (Demand-Responsive Transit - DRT), iaitu perkhidmatan van mini berdasarkan tempahan yang lebih fleksibel dan sesuai untuk kawasan seperti Gertak Sanggul, Bayan Lepas (kampung tradisi), dan Bukit Genting; dan
- (iv) Penambahan tempat letak kenderaan *park-and-ride* di kawasan strategik seperti di Stesen Permatang Damar Laut supaya penduduk dari kampung boleh memandu ke lokasi tersebut dan menaiki LRT dari situ.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

9. Bagaimanakah Kerajaan Negeri menguruskan isu pengambilan tanah dan kesan sosial terhadap penduduk dan peniaga sepanjang laluan LRT?
- (a) Berapakah jumlah premis kediaman dan perniagaan yang terkesan?
 - (b) Apakah pelan pampasan dan relokasi yang disediakan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Projek LRT Laluan Mutiara merupakan projek di bawah Kerajaan Persekutuan dan keseluruhan proses pengambilan tanah dilaksanakan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) selaku agensi pelaksana bagi urusan pengambilan tanah.

Semua urusan pengambilan tanah akan dibuat secara teratur dan adil mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960. Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited untuk meminimumkan kesan sosial terhadap penduduk dan peniaga yang terlibat.

- (a) Maklumat lot-lot yang terlibat dalam pengambilan tanah bagi projek ini adalah seperti yang diwartakan di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960. Perkara tersebut telah diterbitkan dalam warta bilangan No. 459 pada 10 April 2025. Pengambilan tanah bagi projek ini hanya melibatkan tanah di bawah Kategori Bangunan. Walau bagaimanapun, maklumat

berkaitan pecahan kategori mengikut penggunaan tanah perlu dirujuk kepada pihak JKPTG.

- (b) Bagi struktur di atas tanah milik Kerajaan Negeri, dianggarkan terdapat sekitar 42 struktur kediaman dan lebih 120 struktur komersial dan perniagaan yang dikenal pasti sepanjang jajaran projek. Kerajaan Negeri masih dalam proses memuktamadkan berkaitan bayaran pampasan, penempatan semula atau insentif lain.

Untuk tanah milik persendirian pula, JKPTG selaku agensi pusat akan mendapatkan nilai tanah daripada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH) untuk proses pembayaran pampasan kepada pemilik tanah atau pihak yang berkepentingan mengikut prosedur yang ditetapkan.

Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan dalam fasa merangka pelan pampasan dan relokasi yang komprehensif untuk memastikan semua pihak yang terkesan menerima sokongan yang mencukupi mengikut prosedur yang ditetapkan dibawah Akta Pengambilan Tanah 1960 yang sewajarnya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

10. Apakah status semasa projek naik taraf Jalan Tok Kangar yang masih belum dimulakan?
- (a) Siapakah kontraktor baharu yang dilantik untuk menyambung projek selepas penamatan kontraktor asal dan bila dijangka memulakan kerja?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Projek penaiktarafan Jalan Perusahaan hingga ke persimpangan lampu isyarat Jalan Tok Kangar (Fasa 2) kini sedang berjalan di tapak.
- (a) Syarikat Igneus Setia Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai Kontraktor Penyiap untuk menyelesaikan baki kerja di tapak. Pelaksanaan kerja di tapak telah bermula pada 15 April 2025 dan dijangka siap sepenuhnya pada suku keempat tahun 2026.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

11. Apakah statistik penyertaan syarikat Bumiputera dalam rangkaian bekalan industri yang menerima pelaburan asing di Pulau Pinang?
- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk meningkatkan penglibatan bumiputera dalam sektor teknologi dan pembuatan berimpak tinggi?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Setakat ini, tiada data rasmi yang mengkhususkan statistik penyertaan syarikat Bumiputera dalam rangkaian bekalan industri yang menerima pelaburan asing (FDI) di Pulau Pinang.
- (a) Secara dasarnya, Kerajaan Negeri melalui InvestPenang sentiasa berusaha untuk membangunkan sektor teknologi dan pembuatan berimpak tinggi tanpa mengira latar belakang syarikat sama ada berstatus bumiputera ataupun tidak. Antara langkah Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan serta pelbagai agensi untuk meningkatkan penglibatan bumiputera dalam sektor teknologi dan pembuatan berimpak tinggi adalah seperti berikut:
- (i) Kerajaan Persekutuan menawarkan insentif seperti pengecualian cukai dan geran sokongan;
- (ii) Kerajaan Negeri menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap seperti taman industri berteknologi tinggi;

- (iii) InvestPenang menganjurkan program seperti seminar dan forum pelaburan, dan misi promosi perdagangan ke luar negara seperti Amerika Syarikat, Eropah, Jepun, China, Taiwan, Singapura dan banyak lagi. Melalui platform ini, pelabur asing berpeluang memahami potensi pasaran tempatan dan kerjasama strategik dapat diwujudkan antara pelabur asing dan syarikat tempatan;
- (iv) InvestPenang menggalakkan penyumberan tempatan dalam rantai bekalan melalui penganjuran Hari Pembekal (*Supplier Day*), Hari Padanan Perniagaan (*Business Matching Day*), dan program pembangunan industri seperti seminar, pameran dan forum; dan
- (v) Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) menyediakan program *NCER Technology Innovation Centre* (NTIC), seperti *NTIC -Technology & Innovation* (T&I) dan *NTIC – Centre of Excellence* (CoE) yang menyokong projek-projek inovasi dan pengadaptasian digital yang turut tersebut menawarkan geran padanan bagi pelaksanaan projek-projek peningkatan kemampuan teknologi.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

12. Sejauh manakah Kerajaan Negeri mempunyai dasar khusus bagi memastikan peluang perdagangan diagihkan secara saksama kepada semua kaum, khususnya bumiputera?
- (a) Berapakah peratus vendor atau pembekal bumiputera yang dilantik dalam projek-projek yang difasilitasi oleh InvestPenang atau PDC?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

12. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited untuk membangunkan sektor perindustrian dan perdagangan secara adil dan inklusif, tanpa mengira latar belakang pemilikan syarikat, sama ada milik Bumiputera atau bukan Bumiputera. Semua pelabur diberi layanan yang saksama berdasarkan merit, keupayaan perniagaan, dan sumbangan kepada ekonomi negeri.

Dari segi pembangunan infrastruktur, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah melaksanakan langkah proaktif dengan membangunkan beberapa taman perindustrian moden bertaraf antarabangsa. Antara taman perindustrian terbaharu ialah Bandar Cassia Technology Park (BCTP), Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP3), dan Penang Science Park South (PSPS), yang keseluruhannya menawarkan lebih 800 ekar tanah dengan harga kompetitif. Ini menjadikan Pulau Pinang sebagai lokasi strategik pilihan utama pelabur dalam sektor pembuatan dan teknologi.

Selain itu, InvestPenang dengan kerjasama PDC turut menyediakan pelbagai kemudahan sokongan kepada syarikat pemula dan pelabur

melalui inisiatif seperti Penang Silicon Design @5KM+. Inisiatif ini menawarkan insentif seperti subsidi ruang pejabat, peralatan, alat reka bentuk IC serta akses kepada program pembangunan bakat, pembiayaan, dan bimbingan dalam bidang reka bentuk litar bersepadu (IC). PDC juga menyediakan bangunan pejabat dan kilang kecil di lokasi strategik seperti GBS by The Sea, GBS TechSpace, GBS @Mayang, GBS @Mahsuri, dan Penang SME Centre, yang ditawarkan pada kadar bersubsidi bagi meringankan kos operasi syarikat baharu.

Pemilihan syarikat untuk mendapatkan tanah, ruang pejabat, atau kilang diurus secara telus dan profesional oleh jawatankuasa yang terdiri daripada wakil PDC, InvestPenang dan Pejabat Ketua Menteri. Tiada keutamaan diberikan berdasarkan kaum, sebaliknya penilaian dilakukan berdasarkan kriteria ekonomi dan teknikal seperti:

- (i) Nilai tambah (value-add): Syarikat yang menawarkan proses pengeluaran atau perkhidmatan yang dapat meningkatkan nilai sesuatu produk atau sektor berbanding hanya menjalankan aktiviti asas akan diberi keutamaan. Ini termasuk syarikat yang menggunakan teknologi tinggi, automasi, atau inovasi yang menyumbang kepada produktiviti lebih tinggi;
- (ii) Nilai tawaran (value proposition): Merujuk kepada keunikan dan kekuatan syarikat dalam memenuhi keperluan pasaran. Contohnya, syarikat yang membawa model perniagaan inovatif, produk yang berdaya saing di peringkat global atau kelebihan strategik tertentu akan dinilai;
- (iii) Projek intensif ilmu (knowledge intensive): Projek yang bergantung kepada pengetahuan pakar, teknologi tinggi dan kemahiran profesional seperti industri semikonduktor, peranti perubatan, bioteknologi, dan IT akan diberi perhatian kerana berpotensi besar menyumbang kepada ekonomi berasaskan pengetahuan;
- (iv) Penyelidikan dan pembangunan (R&D): Syarikat yang melabur dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan untuk mewujudkan teknologi Baharu, meningkatkan kualiti produk atau proses serta mencipta inovasi akan dilihat sebagai pelabur strategik yang penting untuk kemajuan industri tempatan; dan

- (v) Kriteria lain: Ketersediaan syarikat untuk melatih tenaga kerja tempatan, jumlah penggunaan utiliti seperti elektrik dan air, kesan operasi terhadap alam sekitar dan potensi untuk mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi, pasaran tempatan ataupun eksport.
- (a) Sebagai bukti komitmen terhadap penyertaan Bumiputera, pada tahun 2023 dan 2024, lebih 50% pembekal dan kontraktor yang dilantik oleh PDC adalah syarikat Bumiputera. Ini mencerminkan pendekatan Kerajaan Negeri yang seimbang dalam memastikan penyertaan menyeluruh semua pihak dalam ekosistem pembangunan ekonomi negeri.

Kesimpulannya, pendekatan meritokrasi dan keterbukaan yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertujuan menarik pelabur berkualiti tinggi serta menyokong pertumbuhan ekonomi negeri secara mampan, adil dan inklusif.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

13. Senaraikan pelan jangka pendek dan panjang Kerajaan Negeri dalam menangani isu *overtourism* di kawasan seperti George Town.
- (a) Sejauh manakah Kerajaan Negeri mempertimbangkan dasar agihan pelancongan ke kawasan lain bagi mengurangkan tumpuan pelancong di pusat bandar?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan, agensi kerajaan dan komuniti telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan impak negatif *overtourism* dan menggalakkan pelancongan yang lebih lestari. Antara pelan jangka pendek dan panjang yang diambil adalah seperti berikut:

(i) Pelan Jangka Pendek

- Mempromosikan Destinasi di Luar George Town

Menggalakkan pelancong untuk meneroka kawasan lain di Pulau Pinang seperti Balik Pulau dan Seberang Perai menerusi kempen *The Other Side of The Island* dan *The Opposite Side of The Island* oleh Penang Global Tourism (PGT) untuk mengurangkan tumpuan hanya di George Town.

- Pelancongan Berasaskan Komuniti

Mengembangkan inisiatif pelancongan yang melibatkan komuniti tempatan dan mempamerkan aspek budaya dan warisan yang lebih mendalam. Sebagai contoh, penglibatan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan nelayan tempatan dalam aktiviti eko-pelancongan *river cruise* dan *bird watching* di Sungai Dua.

- Memelihara Warisan dan Keaslian

Melaksanakan dasar dan garis panduan untuk memastikan pembangunan pelancongan menghormati dan memelihara warisan budaya dan keaslian. Pengiktirafan Tapak Warisan Dunia bagi George Town dan *Penang Hill Biosphere Reserve* oleh UNESCO adalah salah satu usaha mengekalkan warisan asli dan semula jadi Pulau Pinang.

(ii) Pelan Jangka Panjang

Mengkaji dan mencadangkan perubahan pada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP) melalui penyusunan semula zon pelancongan iaitu warisan bandar, pantai dan eko/agro untuk menyeimbangkan pembangunan pelancongan di negeri ini.

- (a) Kerajaan Negeri melalui PGT telah menjalankan kempen *The Other Side of The Island* bagi mempromosikan tempat-tempat menarik di Balik Pulau dan *The Opposite Side of The Island* untuk menampilkan tarikan di kawasan Seberang Perai. Kempen-kempen ini bertujuan untuk menarik minat pelancong bagi menerokai kawasan-kawasan pelancongan selain daripada tarikan lazim di pusat bandar.

Selain itu, Majlis Bandaraya Seberang Perai juga turut merangka dan melaksanakan *tourism attraction programme* di ketiga-tiga daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan bagi melestarikan agihan pelancong domestik khususnya ke seluruh Seberang Perai.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

14. Bagaimanakah Kerajaan Negeri merancang untuk menguruskan peningkatan trafik dan pembangunan sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) selepas pembesaran siap?
- (a) Apakah terdapat perancangan untuk menaik taraf infrastruktur jalan dan pengangkutan awam di kawasan sekitar?
 - (b) Apakah strategi untuk mengelakkan kesesakan dan memastikan kelestarian pembangunan di kawasan tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Kerajaan Negeri telah merancang beberapa strategi dalam menguruskan peningkatan trafik dan pembangunan sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP). Antaranya ialah mensyaratkan kepada pihak pemaju LTAPP iaitu Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) untuk menyediakan Laporan Kajian Impak Lalulintas yang terkini bertujuan untuk menguruskan peningkatan lalulintas selepas pembesaran LTAPP siap kelak. Selain itu, pelebaran dan penaiktarafan jalan di sekitar kawasan lapangan terbang turut dikenal pasti dan akan dilaksanakan agar pergerakan trafik dapat lebih efisien.
- (a) Pihak MAHB telah merancang pelebaran dan penaiktarafan jalan di sekitar kawasan lapangan terbang yang akan dilaksanakan dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan seperti berikut:

- (i) Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang dalam melebarkan Jalan Sultan Azlan Shah dan bulatan Sultan Azlan Shah Tun Dr Awang;
 - (ii) Pembangunan Mitsui Outlet Park (MOP) dengan pelebaran Jalan Garuda;
 - (iii) Pembinaan Transit Aliran Ringan (LRT) di Jalan LTAPP antara MOP dan Parkir Kereta Bertingkat; dan
 - (iv) Menaiktaraf penjajaran jalan masuk utama ke Bangunan Terminal dan juga jalan persekitaran terminal.
- (b) Antara strategi-strategi yang dirancang oleh pihak MAHB bagi mengelakkan kesesakan dan memastikan kelestarian pembangunan di kawasan tersebut adalah:
- (i) Memindahkan pengurusan Koperasi Pemandu Limo Lapangan Terbang Pulau Pinang Berhad (KOPLIMO) ke lokasi yang lebih strategik seperti mempunyai jalan hubungan dalaman terus ke Terminal tanpa perlu mengganggu lalu lintas di Jalan Sultan Azlan Shah;
 - (ii) Menyediakan kawasan menunggu khas bagi E-Hailing, Bas dan Kereta Persendirian sebelum memasuki Terminal dan dihubungkan melalui jalan dalaman terus ke kawasan Ketibaan tanpa perlu mengganggu lalu lintas di Jalan Sultan Azlan Shah; dan
 - (iii) Merancang untuk menyediakan laluan alternatif bagi kenderaan mengambil penumpang antarabangsa dengan hanya melalui Jalan Garuda terus ke Terminal dan terus keluar ke Jalan Garuda. Sementara bagi mengambil penumpang domestik hanya perlu keluar ke Jalan Sultan Azlan Shah dan Tun Dr Awang. Perancangan ini masih di dalam kajian impak lalulintas.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

15. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan projek Lebuhraya Bertingkat Juru-Sungai Dua dilaksanakan mengikut jadual dan memberi manfaat kepada rakyat Pulau Pinang?
- (a) Apakah mekanisme pemantauan yang digunakan untuk memastikan projek ini berjalan lancar?
- (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan projek ini tidak memberi impak negatif kepada komuniti setempat semasa pembinaan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Pelbagai langkah telah diambil untuk memastikan projek Lebuhraya Bertingkat Juru–Sungai Dua dilaksanakan mengikut jadual dan memberikan manfaat maksimum kepada rakyat. Berikut adalah pendekatan utama yang diambil:
- i) Projek ini dilaksanakan melalui kerjasama antara kerajaan negeri, Kementerian Kerja Raya (KKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), PLUS Malaysia Berhad, dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Kerjasama ini memastikan penyelarasan yang efektif dalam semua peringkat pelaksanaan projek.
 - ii) Projek ini telah melalui bengkel Penilaian Nilai (*Value Assessment*) untuk memastikan keberkesanan kos dan pelaksanaan yang efisien.

- iii) Untuk meminimumkan gangguan kepada pengguna jalan raya semasa pembinaan, pelan pengurusan trafik yang komprehensif akan dilaksanakan.
- (a) Mekanisme utama yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri adalah dengan menubuhkan *Task Force* Pengurusan Lalu Lintas Projek Mega di Pulau Pinang khusus untuk memantau dan memastikan projek-projek mega yang dilaksanakan di Pulau Pinang termasuk Projek JSD dapat berjalan lancar.
- (b) Beberapa langkah proaktif diambil untuk memastikan bahawa pelaksanaan Projek Lebuh raya Bertingkat Juru–Sungai Dua tidak memberi impak negatif kepada komuniti setempat semasa pembinaan. Berikut adalah pendekatan utama yang diambil:
 - i) memastikan bahawa Penilaian Impak Sosial (SIA) dan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dijalankan dengan teliti. Ini bertujuan untuk mengenal pasti dan mengurangkan potensi kesan negatif terhadap komuniti dan alam sekitar. Langkah ini selaras dengan garis panduan yang ditetapkan oleh PLANMalaysia dan Jabatan Alam Sekitar;
 - ii) memastikan Pelan Pengurusan Trafik (TMP) yang komprehensif akan dilaksanakan. TMP ini dirancang untuk memastikan aliran trafik yang lancar dan keselamatan pengguna jalan raya sepanjang tempoh pembinaan.
 - iii) Kerajaan Negeri, melalui agensi-agensi berkaitan, akan menjalankan pemantauan berkala terhadap tapak pembinaan untuk memastikan pematuhan terhadap standard keselamatan, alam sekitar, dan sosial.
 - iv) Saluran komunikasi seperti talian hotline, laman web rasmi, dan sesi dialog disediakan oleh pihak pemaju untuk membolehkan komuniti menyuarakan kebimbangan atau aduan berkaitan projek.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

16. Apakah mekanisme pemantauan yang digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk menangani pembinaan RIBI tanpa kebenaran di seluruh negeri?
- (a) Senaraikan bilangan eRIBI yang berdaftar dan bilangan sebenar RIBI.
 - (b) Sejauh manakah sistem eRIBI digunakan dalam proses pemantauan dan penguatkuasaan?
 - (c) Bagaimanakah kerajaan bekerjasama dengan PBT dan komuniti setempat dalam menangani isu ini?.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Kerajaan Negeri akan lebih kerap mengadakan sesi libat urus bersama setiap pihak persatuan RIBI bagi menerangkan tentang pentingnya mengemukakan permohonan rasmi sebelum membina sebarang struktur binaan. Pendekatan awal Kerajaan Negeri perlu menjalankan kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia untuk menggalakkan setiap RIBI bagi mendaftar maklumat terperinci bagi membantu Kerajaan Negeri untuk mempunyai rekod rasmi kewujudan setiap RIBI.

Proses seterusnya Kerajaan Negeri perlu mewujudkan dasar yang jelas bagi sebarang pembinaan atau ubah suai RIBI wajib memohon Kebenaran Merancang dan pengesahan pelan bangunan melalui One-Stop Centre (OSC) negeri. Ini memastikan reka bentuk, struktur

dan lokasi bangunan mematuhi Undang - Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) serta pelan guna tanah yang diluluskan.

- (a) Berdasarkan maklumat yang diperolehi dan direkod oleh Perbadanan Harmoni Pulau Pinang (HARMONICO) dalam sistem eRIBI, kini terdapat 1,203 RIBI yang telah menyimpan informasi dan data mereka di dalam sistem ini. Perincian RIBI mengikut kategori agama yang berdaftar dalam sistem eRIBI adalah seperti berikut:
- (i) Tokong Tao: 597 RIBI
 - (ii) Kuil Hindu: 220 RIBI
 - (iii) Gereja Kristian: 182 RIBI
 - (iv) Tokong Buddha: 125 RIBI
 - (v) Wat Siam / Kemboja: 10 RIBI
 - (vi) Gurdwara Sikh: 6 RIBI
 - (vii) Lain-Lain: 63 RIBI
- Jumlah Keseluruhan: **1,203 RIBI**
- (b) eRibi tidak terlibat dalam pemantauan dan penguatkuasaan. Kerja tersebut adalah di bawah Jawatankuasa Penyelarasan Rumah Ibadat Bukan Islam.
- (c) Kerajaan Negeri bekerjasama rapat dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan komuniti setempat melalui pendekatan libat urus yang inklusif dan berterusan. Komuniti setempat boleh memainkan peranan dalam membantu Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti isu berkaitan RIBI lalu melaporkan kepada PBT melalui platform eAduan. Aduan berkenaan akan dipanjangkan kepada PlanMalaysia Pulau Pinang atau HARMONICO selaku urus setia bagi jawatankuasa ini. Aduan tersebut akan dikemukakan dalam perbincangan jawatankuasa bagi tindakan lanjut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

17. Senaraikan statistik terkini penangkapan penyalahgunaan ketum di Pulau Pinang mengikut daerah.
- (a) Senaraikan jenis rawatan dan pusat rawatan yang tersedia untuk membantu mereka yang ingin keluar daripada ketagihan ini.
- (b) Berapakah peruntukan disediakan dalam mengatasi masalah ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

17. Statistik kes dan tangkapan penyalahgunaan ketum bagi Jan 2020 hingga 15 April 2025 adalah seperti berikut:

Daerah	Statistik Kes Dan Tangkapan Bagi 1 Jan 2020-15 April 2024	
	Kes	Tangkapan
TL	520	821
SPU	448	796
SPT	860	2,162
SPS	569	926
BD	702	1,079
Jumlah	3,099	5,784

- (a) Memandangkan Air Ketum atau bahan psikoaktif *Mitragynine* dikategorikan sebagai Bahan Psikotropik sepertimana tercatat dalam Jadual 3 Bahan-bahan Psikotropik, Akta Racun 1952.

Pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) masih belum ada rawatan dan pusat rawatan khusus disediakan. Walaubagaimanapun AADK sedia memberi intervensi awal kepada individu terlibat yang dirujuk kepada pihak AADK.

Pada masa ini, pihak AADK masih menunggu kelulusan pelaksanaan Akta Rawatan Dan Pemulihan Dadah 1983 (Pindaan 2024) dikuatkuasakan bagi kes penyalahgunaan Air Ketum untuk tujuan rawatan.

- (b) Tiada peruntukan kewangan yang dikhaskan untuk Bahagian Perkhidmatan Farmasi Pulau Pinang dalam menangani masalah ini.

Walaupun bagaimanapun, Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Pulau Pinang sentiasa memantau dan mengambil tindakan ke atas penjualan dan pembekalan ubat batuk *Diphenhydramine* yang sering disalahgunakan bersama pengambilan Air Ketum. Campuran antara ubat batuk Diphenhydramine dan Air Ketum dikenali sebagai "Cakaroi" oleh para penagih Air Ketum.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

18. Senaraikan taman-taman perumahan baru, bilangan unit, lokasi dan kategori perumahan yang sedang dibina dan yang sudah mendapat Kebenaran Merancang di DUN Sungai Dua.
- (a) Sejauh manakah projek-projek ini tidak memberi masalah banjir kilat dan kesesakan lalu lintas di sini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Perincian senarai pembangunan taman-taman perumahan baharu yang sudah mendapat kelulusan kebenaran merancang oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan juga sedang dalam pembinaan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Dua adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Projek-projek perumahan sama ada yang sedang dalam pembinaan atau sudah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang adalah tertakluk kepada syarat-syarat teknikal yang berkaitan bagi mengelakkan risiko banjir dan kesesakan lalu lintas. Justeru itu, projek-projek yang dilaksanakan tidak akan memberi masalah banjir dan kesesakan lalu lintas sekiranya pihak pemaju mematuhi syarat-syarat teknikal yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (i) Sistem perparitan dan kolam takungan perlu direka bentuk berdasarkan kajian hidraulik menggunakan hujan, reka bentuk *Average Recurrence Interval* (ARI) 100 tahun. Kajian mengambil kira kawasan tadahan sedia ada serta tambahan daripada pembangunan yang dicadangkan. Sebarang naik

taraf parit dan kolam hendaklah dilaksanakan mengikut keperluan yang ditentukan dalam kajian tersebut.

- (ii) Sebarang naik taraf jalan dan persimpangan perlu direka bentuk berdasarkan hasil kajian Laporan Penilaian Impak Trafik (TIA), dengan mengambil kira unjuran trafik semasa dan tambahan pembangunan. Kerja-kerja naik taraf perlu disiapkan sebelum permohonan sokongan Perakuan Siap dan Pematuhan atau *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) dipohon ke MBSP.

**SENARAI PERUMAHAN YANG TELAH MENDAPAT KELULUSAN KEBENARAN
MERANCANG DI DUN SUNGAI DUA**

BIL	TAJUK PERMOHONAN	STATUS	STATUS PELAN BANGUNAN	STATUS PEMBINAAN/ TARIKH KEMUKA BORANG B (MULA KERJA)
1.	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Membina: (A) Sebuah Rumah Sesebuah 2 Tingkat (B) Sebuah Bangunan Pameran 2 Tingkat Di Atas Lot 8959, Mukim 16, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Untuk Tetuan Great Launch Development No Ruj : MBSP/70/39-16/20(20A)	OSC Lulus pada 6 Mei 2021	Pelan Bangunan Belum Dikemukakan	-
2.	Rayuan Untuk Mengeluarkan Borang C1 Kebenaran Merancang Bagi Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Skim Perumahan Rumah Mampu Milik Di Atas Lot 1547 , Mukim 11 Daerah Seberang Perai Utara Secara Serentak Dengan Permohonan Penyerahan Dan Pemberimilikan Semula Mengikut Seksyen 204D Kanun Tanah Negara Yang Mengandungi: A. 486 Unit Rumah Teres 1 Tingkat (Rumah Mampu Milik / 900kp Seunit) B. 1 Unit Dewan Orang Ramai C. 1 Unit Pusat Penjaja D. 1 Unit Surau E. 1 Unit Tapak Ribi F. 1 Unit Pencawang TNB G. 2 Unit Pencawang Padat TNB H. Kolam Takungan I. Loji Rawatan Kumbahan Untuk Tetuan Spirit of Perai Sdn. Bhd. No Ruj : MBSP/70/39-11/23(85A)	OSC Lulus pada 26 Mei 2022, OSC Lulus pada 22 Nov 2021	Lulus pada 20 Jun 2024	Borang Mula Kerja belum dikemukakan

3.	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Mendirikan:-</p> <p>A) Rumah Teres 2 Tingkat (73 Unit)</p> <p>B) Kedai Pejabat 2 Tingkat (23 Unit)</p> <p>C) Pencawang Elektrik TNB (Jenis Padat) - 2 Unit</p> <p>Di Atas Lot 4836, Jalan Sungai Dua Utama 1, Mukim 16, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.</p> <p>Untuk Tetuan Brew Vantage Sdn. Bhd</p> <p>No Ruj : MBSP/70/39-16/24(15A)</p>	OSC Lulus pada 20 Julai 2023	Lulus pada 22 April 2024	Borang Mula Kerja belum dikemukakan
4.	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Mendirikan Skim Perumahan:</p> <p>A) 10 Unit Rumah Berkembar 3 Tingkat</p> <p>B) 2 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat</p> <p>C) 1 Unit Pencawang Padat TNB</p> <p>Secara Serentak Dengan Permohonan Penyerahan Lot 10038 & 10368 Dan Pemilikan Semula Petak 1 Hingga Petak 16, Mengikut Seksyen 204D Kanun Tanah Di Atas Lot 10038 & 10368, Mukim 16, Daerah Seberang Perai Utara</p> <p>Tetuan Perai Land Sdn. Bhd</p> <p>No Ruj : MBSP/70/39-16/23(16A)</p>	OSC Lulus pada 20 Dec 2022	Pelan Bangunan Belum Dikemukakan	-
5.	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Skim Perumahan</p> <p>A. 22 Unit Rumah Teres 3 Tingkat</p> <p>B. 16 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat Jenis A</p> <p>C. 02 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat Jenis B</p> <p>D. 01 Unit Tapak Pencawang Elektrik Jenis Padat</p> <p>Di Atas Lot 1229, 3016, 3017, 3018, 7526, Dan Petak A (Tanah Kerajaan), Jalan Merbau Indah 1, Mukim 11, Seberang Perai Utara Secara Serentak Di Bawah Seksyen 204D Kanun Tanah Negara 1965</p> <p>Untuk: Tetuan Lifetime Property Sdn. Bhd.</p> <p>No Ruj : MBSP/70/39-11/26(91A)</p>	OSC Lulus pada 18 November 2024	Pelan Bangunan Belum Dikemukakan	-

**SENARAI PERUMAHAN YANG TELAH MENDAPAT KELULUSAN KEBENARAN
MERANCANG DAN SEDANG DALAM PEMBINAAN DI DUN SUNGAI DUA**

BIL	TAJUK PERMOHONAN	STATUS	STATUS PELAN BANGUNAN	STATUS PEMBINAAN/ TARIKH KEMUKA BORANG B (MULA KERJA)
1.	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Mendirikan Cadangan Skim Pembangunan Di Atas Lot 1201, Jalan Merbau Indah 16, Mukim 11, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang Yang Mengandungi:</p> <p>Perniagaan (Hakmilik Strata) Fasa 1 A. 1 Unit Restoran Pandu Lalu 1 Tingkat B. 1 Unit Kedai/Pejabat 1 Tingkat Fasa 2 1 Blok Bangunan Komersial Yang Mengandungi: A. 1 Unit Restoran Pandu Lalu 1 Tingkat B. 1 Unit Ruang Pameran 1 Tingkat C. 1 Unit Badan Pengurusan 1 Tingkat Fasa 3 A. 2 Unit Kedai/Pejabat 1 Tingkat Termasuk Tingkat Mezzanine</p> <p>Kediaman Fasa 4 A. 21 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis A Fasa 5 A. 18 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis B Fasa 6 A. Kemajuan Masa Hadapan (Untuk</p>	OSC Lulus pada 13 Jan 2022	Lulus pada 08 September 2022	<p>Borang Mula Kerja dikemukakan pada 14 April 2025</p> <p>(Dalam Pembinaan)</p>

	<p>Kegunaan Kediaman)</p> <p>Untuk Tetuan Jayamas Heritage Sdn. Bhd. No Ruj : MBSP70/39-11/24(76A)</p>			
2.	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Sekim Pembangunan Pangsapuri Hak Milik Strata 17 Tingkat 357 Unit (950kp seunit) Rumah Mampu Milik (RMM) Yang Mengandungi:</p> <p>I) Blok A 13 Tingkat (Tingkat 5-17) II) Blok B 13 Tingkat (Tingkat 5-17) III) Tempat Letak Kereta Bertingkat (Tingkat 1-4) IV) Dewan Orang Ramai V) Pejabat Pengurusan VI) Kolam Renang VII) Gimnasium VIII) 1 Unit Surau IX) 1 Unit Tadika X) 2 Unit Pencawang Elektrik TNB XI) 1 Unit Pondok Pengawal XII) 1 Unit Pusat Pengumpulan Sampah</p> <p>Di Atas Lot 3475, Mukim 16, Daerah Seberang Perai Utara,</p> <p>Secara Serentak Dengan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula Di Bawah Seksyen 204(D) KTN.</p> <p>Untuk Tetuan PTL Residence Sdn. Bhd. No Ruj : MBSP/70/39-16/22 (20A)</p>	<p>OSC Lulus pada 10 Nov 2022</p>	<p>Lulus pada 20 Julai 2023</p>	<p>Borang Mula Kerja dikemukakan pada 26 Ogos 2024</p> <p>(Dalam Pembinaan)</p>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

19. Sejauh manakah kerajaan merancang untuk menaik taraf atau membina pasar awam baru di Pekan Sungai Dua memandangkan lokasi yang sudah tidak sesuai, masalah parkir yang tidak mencukupi dan masalah keselamatan di mana kerap berlaku kecurian di situ?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada masa kini belum mempunyai perancangan untuk menaik taraf atau membina pasar awam baru di Pekan Sungai Dua dalam masa terdekat. Walau bagaimanapun, MBSP mempunyai perancangan pada tahun ini untuk melaksanakan penambahbaikan terhadap masalah tempat letak kereta dan keselamatan di pasar awam tersebut. Antara langkah penambahbaikan yang akan diambil adalah seperti berikut:
- (i) Melukis semula petak tempat letak kereta sedia ada dan menambah petak tempat letak kereta di kawasan sekitar pasar awam; dan
 - (ii) Meningkatkan kawalan keselamatan awam sedia ada di sekitar kawasan pasar awam tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

20. Masalah banjir dan limpahan air sawah di Padang Tonson berlarutan akibat saluran air (kok) dari Sungai Batang ke Sungai Kereh yang kecil. Apakah langkah kerajaan dalam mengatasi masalah tersebut?
- (a) Berapakah peruntukan yang disediakan untuk projek ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP) mengambil maklum akan isu saluran keluar (saluran kok) Sungai Batang ke Sungai Kereh yang kecil. Dalam keadaan aliran biasa dan hujan lebat, saluran tersebut dapat berfungsi dengan berkesan. Walau bagaimanapun, keadaan bekalan air petak sawah yang tepu, taburan hujan yang tinggi serta kehadiran tumbuhan melata yang menyekat aliran di saluran tersebut sehingga menyebabkan berlakunya kejadian banjir. JPSPP kini dalam perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan sungai dengan membuang sampah dan tumbuhan yang sangkut yang menyebabkan saluran tersumbat dan melancarkan aliran pada tahun ini.
- (a) Anggaran kos untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan tersebut adalah sebanyak RM100 ribu. Pelaksanaan kerja ini adalah tertakluk kepada ketersediaan peruntukan semasa.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

21. Apakah persediaan kerajaan untuk menghadapi ribut dan banjir ketika berlaku peralihan monsun dan berapakah peruntukan yang disediakan?
- (a) Senaraikan agensi dan jawatankuasa serta fungsi yang terlibat dengan isu ini.
 - (b) Apakah bentuk bantuan yang akan diberikan kepada mangsa bencana dan kerosakan dan berapa peruntukan yang akan diberikan?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Bagi menghadapi kemungkinan ribut dan banjir semasa peralihan monsun, Kerajaan Negeri melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah membuat pelbagai persediaan awal sebagai langkah kesiapsiagaan. Antara persediaan yang dilaksanakan termasuk penyelarasan Pelan Tindakan Bencana di peringkat daerah, penyediaan Pusat Pemindahan Sementara (PPS), penempatan stok makanan dan keperluan asas serta pengaktifan pasukan operasi bencana merangkumi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Angkatan Pertahanan Awam (APM), BOMBA dan agensi-agensi berkaitan.

Selain itu, NADMA melalui Kerajaan Negeri turut menyalurkan peruntukan Pengurusan Pengoperasian Monsun Timur Laut (MTL) kepada setiap Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) bagi membolehkan tindakan awal dapat dilaksanakan sekiranya berlaku bencana.

Perincian jumlah peruntukan bagi setiap daerah adalah seperti yang dinyatakan dalam **LAMPIRAN A**.

- (a) Unit Pengurusan Bencana sentiasa berada dalam keadaan siap siaga untuk menghadapi sebarang bencana, selaras dengan tatacara pengendalian bencana yang ditetapkan di bawah Arahan NADMA No. 1. Keanggotaan serta peranan Ahli Jawatankuasa Bencana Peringkat Daerah (JBPD) adalah seperti yang dinyatakan dalam **LAMPIRAN B**.
- (b) Bagi mangsa bencana, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyediakan bantuan yang disalurkan melalui Tabung Bencana Negeri. Bantuan ini meliputi kejadian seperti kebakaran, ribut dan pokok tumbang, dengan syarat ia melibatkan kediaman dan bukannya bangunan komersial. Bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk bayaran saku hati tunai, yang bertujuan untuk meringankan penderitaan mangsa serta membantu mereka dalam proses pemulihan awal selepas kejadian bencana. Jumlah bantuan adalah berdasarkan tahap kerosakan yang dialami dan disalurkan melalui Pejabat Daerah selepas penilaian dilakukan. Kadar bantuan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kecil adalah ditetapkan pada kadar 10% daripada jumlah kerugian bagi kerosakan rumah bagi tuan rumah dan 10% bagi kerosakan peralatan rumah kepada penyewa sekiranya rumah berkenaan disewakan tertakluk kepada had maksima RM5,000.00. Pada 20 September 2021, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meminda kadar minimum bantuan sebanyak RM200.00 bagi memastikan mangsa-mangsa bencana mendapat bantuan sewajarnya. Pada masa kini, Jawatankuasa Pengurusan Tabung Bencana tidak bercadang untuk meningkatkan kadar jumlah bantuan bencana. Walau bagaimanapun, bantuan atau sumbangan untuk mangsa yang terjejas disebabkan oleh banjir atau banjir kilat tidak diperuntukkan di bawah Kumpulan Wang Amanah Tabung Bencana Negeri Pulau Pinang.

Manakala, NADMA melalui Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan Bantuan Wang Ihsan (BWI) berjumlah RM1,000.00 dan Bantuan Wang Ihsan Kematian (BWI Kematian) sebanyak RM10,000.00 untuk diberikan kepada mangsa yang terjejas akibat bencana termasuk banjir dengan syarat mangsa yang berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang berdaftar.

LAMPIRAN A

(a) PERINCIAN PERUNTUKAN KEPADA SETIAP PDT YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN ADALAH SEPERTI BERIKUT :

- (i) Peruntukan Pengurusan Pengoperasian Monsun Timur Laut (MTL) Bagi Tahun 2020 Hingga 2023

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT)	TAHUN/PERUNTUKAN (RM)				JUMLAH (RM)	CATATAN
		2020	2021	2022	2023		
1.	PDTDTL	20,000.00	35,000.00	40,000.00	40,000.00	135,000.00	Peruntukan yang diagihkan bagi Tahun 2021 dan 2022 adalah mengikut keperluan PDT pada masa tersebut
2.	PDTDBD	20,000.00	38,000.00	40,000.00	40,000.00	138,000.00	
3.	PDTSPPT	20,000.00	46,000.00	40,000.00	40,000.00	146,000.00	
4.	PDTSPS	20,000.00	35,000.00	70,000.00	40,000.00	165,000.00	
5.	PDTSPU	20,000.00	30,000.00	40,000.00	40,000.00	130,000.00	
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		100,000.00	184,000.00	230,000.00	200,000.00	714,000.00	

- (ii) Peruntukan Bagi Pembelian Bot Dan Jaket Keselamatan Bagi Tahun 2022

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT)	PERUNTUKAN (RM)
1.	PDTDTL	30,000.00
2.	PDTDBD	30,000.00
3.	PDTSPPT	30,000.00
4.	PDTSPS	30,000.00
5.	PDTSPU	30,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		150,000.00

- (iii) Peruntukan Kerja-Kerja Baik Pulih Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bagi Tahun 2022 dan 2023

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT)	PERUNTUKAN (RM)
1.	PDTDTL	127,733.53
2.	PDTDBD	129,926.00
3.	PDTSPPT	177,999.90
4.	PDTSPS	132,340.57
5.	PDTSPU	133,445.00
JUMLAH KESELURUHAN		701,445.00

(iv) Peruntukan Bantuan Bencana/Bantuan Wang Ihsan (BWI) bagi Tahun 2024/2025

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT)	PERUNTUKAN (RM)
1.	PDTDTL	400,000.00
2.	PDTDBD	400,000.00
3.	PDTSPT	400,000.00
4.	PDTSPS	400,000.00
5.	PDTSPU	400,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		2,000.000.00

(v) Peruntukan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) berjumlah RM2,000,000.00 telah diagihkan kepada setiap Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) iaitu RM400,000.00 masing-masing untuk diberikan kepada mangsa yang terjejas akibat bencana. Sebanyak 257 Keluarga / Ketua Isi Rumah (KIR) telah menerima Bantuan Wang Ihsan (BWI) berjumlah RM1,000.00 dan menjadikan jumlah bantuan yang diberikan kepada semua mangsa sebanyak RM257,000.00. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut :

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT)	TAHUN			
		2023		2024	
		KIR	BWI (RM)	KIR	BWI (RM)
1.	PDTDTL	0	0	0	0
2.	PDTDBD	0	0	0	0
3.	PDTSPT	0	0	53	53,000.00
4.	PDTSPS	0	0	36	36,000.00
5.	PDTSPU	46	46,000.00	122	122,000.00
JUMLAH KELUARGA/KETUA ISI RUMAH (KIR)		46	46,000.00	211	211,000.00
JUMLAH BANTUAN WANG IHSAN YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA MANGSA BENCANA (RM)		257,000.00			

LAMPIRAN B

Arahan NADMA No.1 : Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara telah mengariskan mekanisme pengurusan bencana di peringkat Pusat, Negeri dan Daerah secara menyeluruh. Berikut adalah Ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) mengikut Arahan NADMA No.1.

AHLI-AHLI

1. Ketua Polis Daerah
2. Ketua Zon Bomba
3. Pegawai Kesihatan Daerah
4. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
5. Wakil Jabatan Alam Sekitar
6. Wakil Angkatan Tentera Malaysia
7. Pengarah Zon Maritim Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
8. Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah
9. Penolong Pengarah Keselamatan Negeri, MKN Daerah
10. Pegawai Pertahanan Awam Daerah
11. Pegawai Jabatan Meteorologi Malaysia
12. Pegawai Penerangan Daerah
13. Pegawai Pendidikan Daerah
14. Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya
15. Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran
16. Pegawai RELA Daerah
17. Ketua Cawangan KPDN
18. Pegawai Pertanian Daerah
19. Pegawai Perikanan Daerah
20. Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah
21. Pegawai Jabatan Mineral dan Geosains Negeri
22. Pengarah Pejabat Zon Atom Malaysia
23. Pengarah Pejabat Negeri, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
24. Wakil Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
25. Pengurus Telekom Malaysia Daerah
26. Pengurus Tenaga Nasional Berhad Daerah/Wakil Pengurus Syarikat Bekalan Elektrik Negeri
27. Wakil Pengarah/Pengurus Jabatan/Syarikat Bekalan Air Negeri
28. Wakil Pengarah/Pengurus Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia
29. Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri
30. Penghulu/Penggawa Mukim

PERANAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA DAERAH (JPBD)

1. Melaksanakan dasar, strategi, arahan, pelan tindakan dan hala tuju dalam mengendalikan sesuatu bencana di peringkat Daerah.
2. Mengurus perdanakan langkah-langkah pengurangan risiko bencana melalui semua agensi Kerajaan di peringkat Daerah secara berkesan.
3. Melaksana dan memastikan penyampaian Sistem Amaran Awal secara berkesan kepada Agensi Kerajaan dan orang awam.
4. Melaksanakan latihan pengurusan bencana yang bersepadu di antara agensi Kerajaan dari semasa ke semasa bagi memenuhi tahap kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi sesuatu bencana.
5. Melaksanakan program pembangunan keupayaan dan kesedaran awam di peringkat Daerah dalam usaha menjadikan masyarakat lebih berdaya tahan dalam menghadapi bencana.
6. Menubuhkan Kumpulan Kerja yang bertanggungjawab kepada JPBD bagi melicinkan pengurusan bencana. Kumpulan Kerja terlibat adalah seperti berikut:
 - (a) Kumpulan Kerja Kawalan Keselamatan diterajui oleh Polis Diraja Malaysia(PDRM);
 - (b) Kumpulan Kerja Mencari dan Menyelamat diterajui oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM);
 - (c) Kumpulan Kerja Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan diterajui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
 - (d) Kumpulan Kerja Kebajikan diterajui oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat(JKM);
 - (e) Kumpulan Kerja Sokongan Logistik diterajui oleh Jabatan Kerja Raya (JKR);
 - (f) Kumpulan Kerja Pengurusan Media diterajui oleh Jabatan Penerangan;
 - (g) Kumpulan Kerja Teknikal dan Pakar diterajui oleh agensi pakar bagi sesuatu bencana yang berlaku; dan
 - (h) Kumpulan Kerja Penyelaras Bantuan Badan-Badan Sukarela dan Sumbangan yang diterajui oleh Pejabat Daerah.
7. Menubuhkan Jawatankuasa Penilaian bagi tujuan taksiran kerugian dan pemulihan yang diakibatkan oleh bencana.
8. Mengangkat cadangan bantuan ihsan atau bantuan pemulihan, sekiranya perlu kepada Kerajaan Negeri.
9. Menentukan operasi mencari dan menyelamat dijalankan secara lancar dan berkesan.
10. Mengenal pasti dan menubuhkan pusat-pusat pemindahan dan pangkalan hadapan.

11. Memantapkan peranan organisasi komuniti dan masyarakat dalam melaksanakan penyelarasan dan tindak balas awal terhadap kejadian bencana.
12. Merancang dan melaksanakan program Pencegahan, Kesiapsiagaan, Tindak Balas dan Pemulihan di peringkat Daerah.
13. Mewujudkan dan mengemaskini profil kawasan berisiko bencana di peringkat Daerah tujuan perancangan pembangunan dan tindak balas bencana.
14. Mewujudkan pangkalan data mengenai peralatan, kelengkapan dan senarai kepakaran di peringkat Daerah yang diperlukan dalam pengurusan bencana.
15. Menubuhkan PKOB dengan secepat mungkin selepas sesuatu kejadian bencana dan mengaktifkannya termasuklah mewujudkan sistem rangkaian komunikasi dengan PKTK.
16. Menyelaraskan keperluan pengurusan dan bantuan Bencana seperti menentukan bantuan logistik dan mengambil alih (*requisition*) peralatan/jentera yang diperlukan secara sementara kepunyaan agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang perseorangan semasa operasi Tindak Balas Bencana.
17. Menentukan bantuan yang komprehensif seperti kebajikan, makanan, tempat tinggal, kesihatan, perlindungan dan keselamatan kepada mangsa dan anggota penyelamat.
18. Memastikan AAR dilakukan selepas sesuatu bencana bagi tujuan memperakukan penambahbaikan terhadap sistem pengurusan bencana yang dilaksanakan.
19. Menyediakan laporan mengenai pengendalian dan pengurusan bencana yang berlaku meliputi aspek operasi mencari dan menyelamatkan serta bantuan kecemasan dan pemulihan yang diberikan kepada mangsa.
20. Menyelaraskan kerja-kerja penyelenggaraan Pusat Pemindahan bagi memastikan ianya berada dalam keadaan optimum dan sedia untuk digunakan pada bila-bila masa apabila berlakunya bencana.
21. Menyediakan laporan mengenai pengendalian dan pengurusan bencana yang berlaku meliputi aspek operasi mencari dan menyelamatkan serta bantuan kecemasan dan pemulihan yang diberikan kepada mangsa.
22. Menyelaraskan kerja-kerja penyelenggaraan Pusat Pemindahan bagi memastikan ianya berada dalam keadaan optimum dan sedia untuk digunakan pada bila-bila masa apabila berlakunya bencana.
23. Menyelaraskan pengumpulan dan verifikasi senarai mangsa bencana yang berpindah dan tidak berpindah ke Pusat Pemindahan untuk pemberian bantuan bencana. Bagi mangsa yang berpindah ke Pusat Pemindahan, senarai nama mangsa didaftarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

KUMPULAN KERJA PENGURUSAN MEDIA DITERAJUI OLEH JABATAN PENERANGAN

- (a) Kumpulan Kerja Teknikal dan Pakar diterajui oleh agensi pakar bagi sesuatu bencana yang berlaku; dan
- (b) Kumpulan Kerja Penyelarasan Bantuan Badan-Badan Sukarela dan Sumbangan yang diterajui oleh Pejabat Daerah dan Tanah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

22. Kebanjiran peniaga dan kedai warga asing telah menyebabkan berlaku penjualan rokok seludup dan arak seludup secara berleluasa yang memberi kesan buruk kepada masalah sosial kepada masyarakat.
- (a) Apakah usaha kerajaan dalam memantau dan menangani masalah ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sememangnya cakna terhadap isu kebanjiran peniaga dan kedai warga asing yang telah menyebabkan berlakunya penjualan rokok seludup dan arak seludup secara berleluasa. Justeru itu, antara tindakan yang telah diambil bagi mengekang isu ini dari berleluasa adalah seperti berikut:
- (a) **Menjalankan tindakan sitaan** premis perniagaan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) bagi premis-premis perniagaan kedai runcit yang dijalankan oleh individu warga asing;
- (b) **Menetapkan syarat larangan penjualan barangan seludup** di premis-premis perniagaan sebagai salah satu syarat pelesenan;
- (c) **Mengambil tindakan dengan mengeluarkan notis tawaran kompaun dan Notis Menghendaki Perniagaan Dihentikan** kepada premis perniagaan yang didapati gagal mematuhi

syarat-syarat pelesenan dan menjalankan perniagaan tanpa lesen; dan

- (d) **Menjalankan operasi bersepadu** bersama Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.

Selain itu, Jabatan Kastam Diraja Malaysia Negeri Pulau Pinang (JKDMPP) menerusi Unit Operasi Darat & Unit Marin Kastam komited dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kegiatan berkaitan Rokok dan Minuman Keras (RMK) tidak berkastam tanpa mengira latar belakang, status atau kumpulan yang terlibat. JKDM telah mengenakan tindakan penguatkuasaan yang tegas ke atas pemilik premis dan individu yang terlibat dalam penjualan produk RMK tidak berkastam. Antaranya seperti berikut:

- (a) **Menjalankan operasi penguatkuasaan** secara berkala beserta tangkapan & rampasan;
- (b) **Melaksanakan pemantauan dan serbuan ke atas premis-premis yang disyaki** terlibat dengan aktiviti penyeludupan;
- (c) **Menjalin kerjasama dengan agensi-agensi** seperti Jabatan Laut, Jabatan Perikanan, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Penguatkuasaan Farmasi;
- (d) **Menggunakan tindakan undang-undang** terhadap individu dan sindiket yang terlibat dalam penyeludupan; dan
- (e) **Mengambil pendekatan secara proaktif terhadap Aduan Awam** melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) KASTAM.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

23. Senaraikan usaha yang dilakukan oleh kerajaan di tanah yang dibeli oleh Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) seluas 163.772 ekar dan senaraikan agensi yang terlibat dalam dalam membangunkan tanah ini.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Perolehan tanah strategik Pulau Pinang di bawah Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) sepanjang Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) sehingga Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang melibatkan kelima-lima daerah di Negeri Pulau Pinang iaitu Daerah Timur Laut, Daerah Barat Daya, Daerah Seberang Perai Tengah, Daerah Seberang Perai Utara dan Daerah Seberang Perai Selatan adalah seluas 166.916 ekar tanah. Antara usaha MPBPP dalam meningkatkan pemilikan hartanah Pulau Pinang dalam kalangan Bumiputera dibahagi kepada dua (2) skop utama iaitu yang pertama, pembangunan perumahan/komersil/bercampur/industri kepada Bumiputera. Kedua, *land bank* Bumiputera dalam memastikan pemilikan tanah Bumiputera Pulau Pinang dapat dipelihara dan diperluaskan.

Selain itu, antara agensi yang terlibat dalam membangunkan tanah di bawah MPBPP adalah yang pertama, JKP Sdn. Bhd. (JKPSB). Kedua, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA). Ketiga, UDA Land (North) Sdn. Bhd. dan keempat, Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd. (PVISB).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XI)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

24. Apakah perkembangan terkini projek jalan sehala di Pekan Sungai Dua?
- (a) Bilakah akan dimulakan dan berapakah kos projek ini?
 - (b) Apakah usaha kerajaan dalam memastikan peniaga di sekitar tidak terjejas disebabkan projek ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Projek penaiktarafan dan pelebaran jalan di Pekan Sungai Dua adalah dalam peringkat reka bentuk dan penyediaan dokumen tender.
- (a) Projek ini dijangka akan mula dilaksanakan di tapak pada bulan Ogos 2025 dengan anggaran kos sebanyak RM4.7 juta.
 - (b) Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) telah mengambil langkah proaktif dengan mencadangkan supaya reka bentuk geometri jalan hanya melibatkan tanah rizab jalan sedia ada dan tanah milik Kerajaan Negeri sahaja supaya pengambilan balik tanah melibatkan lot tanah individu dapat dielakkan. Selain itu, bagi memastikan peniaga di sekitar kawasan projek tidak terjejas, JKRPP turut melaksanakan penyelarasan awal jajaran projek agar tidak melibatkan premis perniagaan sedia ada.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSB) turut membantu dari segi

penyelarasan sesi libat urus bersama peniaga tempatan bagi menyalurkan maklumat projek dan maklum balas kepada JKRPP. MBSP turut menyalurkan maklumat berkaitan operasi pasar dan waktu puncak urus niaga supaya jadual kerja dapat dirancang dengan mengambil kira sensitiviti operasi perniagaan setempat.

Sokongan dari aspek kawal selia tempatan seperti penyusunan semula petak parkir atau kemudahan sementara turut akan dilaksanakan oleh MBSP bergantung kepada keperluan. Selain itu, JKRPP dan MBSP akan bekerjasama dalam penyediaan dan pemantauan Pelan Pengurusan Trafik *Traffic Management Plan* (TMP) termasuk penyampaian maklumat kepada pengguna jalan dan peniaga berdekatan. Sekiranya terdapat gangguan ketara terhadap operasi perniagaan, MBSP akan meneliti keperluan penempatan sementara atau bantuan logistik yang berkaitan bagi memastikan peniaga tempatan di sekitar kawasan projek ini tidak terjejas.